

10/07/2004

Khairy sah Ketua Pemuda Rembau

REMBAU: Ahli Jawatankuasa Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin disahkan sebagai Ketua Pemuda bahagian Rembau, pada mesyuarat perwakilan di sini malam tadi.

Beliau dipilih tanpa dicabar daripada mana-mana pihak apabila Abdul Ghani Hasan melepaskan jawatan atas faktor usia.

Mesyuarat dirasmikan Menteri Besar, Datuk Mohamad Hasan, di Institut Kemahiran Belia Negara, dekat Chembong, di sini.

Jawatan Naib Ketua yang menyaksikan pertandingan tiga penjuru antara Mohd Ariff Abu Hassan, Ahmad Fauzi Daud dan Ramli Musa belum diketahui kerana setakat tengah malam tadi proses pengiraan belum selesai.

Khairy, 28, juga dicalonkan sebagai Naib Ketua Pemuda Umno dan setakat tengah malam tadi menerima 21 pencalonan daripada bahagian yang selesai bermesyuarat.

Selain beliau, Datuk Mukhriz Mahathir dan Datuk Azimi Daim masing-masing mendapat satu pencalonan untuk jawatan itu.

(END)